

0258

B 8022 KAS

MAHATHIR - TANARAN 2 'R' 'R'

MUAR, 7 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MUHAMMAD MENOLAK DAKWAAN KOMONGNYA BELIAU MEMBUAT TANARAN JAWATAN KABINET KEPADA TENSKU RAZALEIGH HANZAH DAN DATUK MUSA HITAM DENGAN KESEDARAN IA AKAN DITOLAK.

PERDANA MENTERI BERKATA TANARAN YANG DIBUAT SELIKHLAS-IKHLASNYA ITU IALAH DENGAN HARAPAN KEDUA-DUA TOKOH ITU AKAN MEMERIKANYA SUPAYA DAPAT MEREKU +DUDUK DI SATU MEJA+ DENGAN PENIMPIN-PENIMPIN YANG LAIN BERCAKAP BERKENAAN MASALAH ORANG MELAYU.

BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN PENIMPIN-PENIMPIN UMNO TEMPATAN DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA MEMANGLAH JAWATAN YANG DITANARKANNYA ITU (MENTERI TAK BERPORTFOLIO) BUKANLAH BESAR SANGAT BERBANDING DENGAN JAWATAN YANG TOKOH-TOKOH ITU PERNAH PESANG.

+TETAPI APAKAH MAKSUD MEMJADI ANGGOTA KABINET? MAKSUDNYA IALAH SUPAYA KITA SAMA-SAMA BERBINCANG DAN Bekerja.

+ORANG YANG BERMUSUH-MUSUHAN DAHULU DAPAT DUDUK SAMA-SAMA KELILING SATU MEJA DAN KITA Bekerja UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN KEPENTINGAN UMNO.

+KALAU KITA DUDUK BERJAUHAN, MAKA KITA TERPAKSA MENJERIT UNTUK DIDENGAR. APADILA ORANG MENJERIT, KEDENGARANNYA TIDAK SEPERTI KAMAM LAGI.

+JADI ITULAH SEBABNYA KITA HENDAK DEKATKAN DIRI.+ -- LAGI
1958MST 07 12 22

0259

B 8022 KAS

MAHATHIR - TANARAN 2 MUAR 2 'R' 'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEDUA-DUA TOKOH ITU TELAH PUN MENYATAKAN BAHAWA MEREKA TIDAK MENANDANG JAWATAN.

DENGAN DEMIKIAN JIKA JAWATAN YANG DITANARKAN ITU BENCAN BEDIKIT, MAKA IA TIDAK SEPATUTNYA MENJADI PERSOALAN.

SAMBIL MENYANGKAL DAKWAAN BAHAWA BELIAU MEMBUAT TANARAN ITU DENGAN PEMUH KESEDARAN BAHAWA IA AKAN DITOLAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERTANYA: +APA AKAN TERJADI SEKIRANYA MEREKA MEMERIKAT

+TAKKAN SAYA NAK KATA TAK DOLEH? TENTULAH KITA TERIMA+.

KATANYA, BELIAU MENGAMBIL SATU RISIKO APADILA MEMBUAT TANARAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA TANARAN ITU DIBUAT DENGAN TIADA NIAT LAIN MELAINKAN UNTUK MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU, TERUTAMA KETIKA PIHAK-PIHAK TERTENTU DENGAN GARANS BERSUARA MEMINTA ITU DAN INI.

KATANYA, PIHAK-PIHAK INI SUDAH BERANI BERSUARA LANTANG KERANA BERANGGAPAN BAHAWA ORANG MELAYU KELIHATAN LEMAH. -- BERNAMA
2008MST 07 12 22